

CNS3532

R GB 08-06 00165 BD077

Bah

Mahathir - Banjir

LEBIH BANYAK PERUNTUKAN JIKA RAKYAT SANGGUP BAYAR CUKAI

KUALA LUMPUR, 8 Jun (Bernama) -- Kerajaan boleh menyediakan lebih banyak peruntukan bagi mengatasi masalah seperti banjir kilat yang melanda ibu negara semalam jika rakyat sanggup membayar cukai, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Di Malaysia kalau kita hendak adakan duit, kita kena naikkan cukai tetapi orang tak suka membayar cukai," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Kumpulan Pakar G15 Mengenai Pertukaran Maklumat Dasar Ekonomi Kebangsaan di Hotel Istana di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas laporan akhbar menyatakan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) lewat menerima peruntukan RM15 juta untuk program penyelenggaraan sungai.

Kelewatan itu menyebabkan DBKL tidak dapat mengeluarkan tender pembersihan lumpur dan tanah mendap di tebing sungai yang dikatakan antara faktor banjir kilat itu yang dianggap paling buruk sejak 10 tahun.

Dr Mahathir berkata kerajaan hendak memberikan peruntukan kepada DBKL untuk tujuan itu jika mempunyai wang. -- Lagi

08/06/12-33MST

CNS3562

R GB 08-06 00127 BD078

Bah

Mahathir - Banjir 2 Kuala Lumpur

Beliau berkata kerajaan tidak membazirkan wang yang diperolehi daripada kutipan cukai tetapi menggunakannya untuk membina jalan, jambatan dan mengadakan kemudahan awam lain.

"... kalau kita buat jalan dan kenakan sikit tol, orang hendak buat demonstrasi tapi bila banjir, orang hendakkan peruntukan dan kata kenapa tidak buat itu, tidak buat ini," katanya.

Dr Mahathir berkata kelewatan memberikan peruntukan itu tidak dapat dielakkan daripada segi penyediaan untuk semua kontinjensi.

Perdana Menteri berkata banjir kilat yang berlaku semalam itu ialah perkara luar biasa kerana hujan turun dengan begitu lebat sehingga secara tiba-tiba menjadi banjir.

"Selepas itu dia surut dengan cepat bermakna peparitan ada tapi tak boleh menampung semuanya," katanya. -- Lagi

▼08/06/13-06MST

CNS3565

R GB 08-06 00086 BD079

Bah

Mahathir - Banjir 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Ketika ditanya sejauh mana kejadian seumpama itu menjejaskan aktiviti harian jika berulang lagi, Dr Mahathir berkata bukan masalah itu sahaja perlu diatasi tetapi juga masalah lalulintas.

Beliau berkata umpamanya dalam rancangan membina landasan keretapi transit ringan, terlalu banyak masa diambil untuk menyelesaikan masalah setinggan sehingga ada yang bertahun-tahun.

"Kadang-kadang kita dah membayar ganti rugi kepada setinggan tetapi mereka tak mahu pindah," katanya. -- Bernama

AZZ AHH OA

▼08/06/13-09MST